

PROJEK PELAJAR
(Students' Projects)

Rumah Melayu Melaka, Ciri-ciri, Pengaruh serta
Kesannya terhadap Senibina Masakini

TESIS
(Thesis)

PROJEK PELAJAR
(Students' Projects)

ABSTRAK

Nama : Ali Nordin Bin Yaakub.

K/P Persekutuan : 6890493

K/P ITM : 91006244

Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pembacaan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tajuk Kajian : Rumah Melayu Melaka, Ciri-ciri Pengaruh serta Kesannya terhadap Senibina Masakini.

Kajian ini menitikberatkan tentang pengaruh Senibina Rumah Melayu Melaka terhadap senibina masakini. Iaitu konsep-konsep yang telah digunakan di dalam rekabentuk bangunan masakini seperti bahan binaan, elemen struktur, dekorasi permukaan, penggunaan bangunan tersebut serta fungsinya.

Pada awalan kajian ini penulis mendahuluinya dengan pengenalan sejarah Negeri Melaka. Diikuti pula dengan Senibina Rumah Melayu Melaka di Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ianya menceritakan tentang kegemilangan Senibina di waktu pemerintahan Sultan Mansor Shah. Iaitu Senibina Istana yang diilhamkan oleh Sultan Mansor Shah sendiri.

(ii)

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Pengenalan serta konsep Senibina Rumah Melayu Melaka dihuraikan secara terperinci. Ianya meliputi pelan, susunatur serta rekabentuk Rumah Melayu Melaka. Kaitan di antara ruang-ruang juga dihurai-kan seperti Ruang Ibu, Ruang Tengah serta Ruang Dapur.

Untuk memahami dengan lebih terperinci lagi mengenai Rumah Melayu Melaka penulis telah menghuraikan mengenai struktur bangunan seperti tangga, pintu, tingkap, ragam hias serta bumbung. Komponen bangunan, konsep serta fungsi ruang turut dihurai-kan. Beberapa kes kajian mengenai Rumah Melayu Melaka yang masih berdiri megah dapat memberi pemahaman yang lebih.

Untuk melihat sejauh manakah pengaruh senibina rumah Melayu Melaka ini penulis telah menjalankan beberapa kes kajian terhadap bangunan-bangunan yang dibina pada masakini yang menggunakan konsep Senibina Rumah Melayu Melaka . Ianya termasuklah bangunan-bangunan Muzium Budaya Negeri Melaka, Muzium Budaya Daerah Alor Gajah, Majlis Perbandaran Melaka serta beberapa bangunan lagi yang dianggap bersangkutan.

Penganalisaan telah dibuat dari segi konsep yang digunakan di dalam rekabentuknya. Kritikan serta cadangan telah diberikan terhadap konsep senibina bangunan tersebut.

Pada akhiran kajian, penulis cuba mencari satu penyelesaian berkenaan dengan Senibina Tradisional Melayu yang telah dilupakan. Beberapa cadangan serta nasihat telah diberikan di dalam mempertahankan Warisan Budaya yang begitu tinggi nilainya terutama kepada penulis-penulis yang ingin membuat kajian yang serupa agar hasil penulisan mereka memberi manfaat kepada semua.

Nama Penasihat : En. Amran b. Abd. Rahman

Tandatangan : 

Tarikh : Mei 1992.

PESADA KATA

Untuk memenuhi syarat menamatkan kursus Diploma Senibina, setiap penuntut adalah diwajibkan untuk menyiapkan satu kajian ilmiah yang berkaitan dengan kursus yang diambil oleh penuntut tersebut. Kajian ini juga adalah untuk memenuhi kehendak matapelajar Sejarah Senibina kertas ARC 471.

Sehubungan dengan itu saya telah memilih tajuk yang berkaitan dengan Senibina Rumah Tradisional Melayu Melaka sebagai bahan kajian saya memandangkan ianya adalah merupakan lambang keperibadian bangsa Melayu dan budaya yang tinggi nilainya. Pada asasnya kajian ini merangkumi bidang-bidang seperti pesejarahan Negeri Melaka serta senibinanya.

Tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenali dan mengkaji dengan lebih mendalam lagi sejarah Senibina Rumah Tradisional Melayu Melaka dan juga cara pembinaan yang dilakukan. Kajian ini juga berharap agar nilai dan keagungan senibina Melayu akan dapat dipelihara dan akan menjadi kebanggaan warisan yang akan datang.